

Tasawuf Dalam Pemikiran Yusuf al-Qaradhawi (1926-2022)

Sufism in the Thought of Yusuf al-Qaradhawi (1926-2022)

RABIATULASNA NASSIR* & NOZIRA SALLEH¹

ABSTRACT

Al-Qaradhawi is a contemporary Islamic scholar who is famous in the Islamic world. He is often used as a reference in solving various problems of Muslims, especially in the field of jurisprudence and da'wah. However, his expertise is not only focused on those two fields, but he is also knowledgeable in the field of Sufism. Therefore, this article tries to study al-Qaradhawi's views and thoughts about it, where he tried to purify the purity of Sufism and explain to the public the true concept of Islamic Sufism. Al-Qaradhawi asserted that what is required from the "pure rabbani life" is clarity of life's purpose, clarity of method, istiqamah in carrying out God's commandments, following the Sunnah of the Prophet S.A.W. as well as being in line with the manhaj of the Salafussoleh. The method of writing this article is based on literature research, by referring to books, journal articles, and materials related to the title. The result of the study clearly shows that al-Qaradhawi has a strong stance towards Sufism based on the Qur'an and Sunnah, so he strongly opposes heretical teachings and practices disguised as Sufism.

Keywords: *Sufism, Thought, al-Qaradhawi, moderate, moral*

PENGENALAN

Al-Qaradhawi telah terlibat dengan ilmu tasawuf semenjak beliau masih kecil lagi di mana beliau mengenali ilmu tersebut melalui karya tokoh dan ulama Islam yang terkenal dengan ketinggian ilmunya iaitu Imam Abdul Hamid al-Ghazali (1058-1111). Beliau menggelarnya sebagai guru pertama beliau dalam bidang tasawuf. Seterusnya beliau telah mula mengenali sebahagian karya-karya tasawuf yang lain apabila berada di sekolah menengah seperti *Syarah Ibnu Ajibah* iaitu hasil karya Hakam Ibnu 'Athallah al-Sakandari (1259-1310) dan sebahagian kitab Syaikh Abdul Wahhab al-Sya'rani (1493-1568). Kemudian, apabila beliau berada di peringkat pengajian tinggi, beliau telah mendalami ilmu tasawuf dengan mengadakan hubungan langsung dengan tokoh Islam yang terkemuka iaitu al-Bahi al-Khuli. Pengajian agama dengan Syaikh al-Audan dan Syaikh Abdul Halim Mahmud (1910-1978) turut

¹ **Rabiatulasna Nassir*** (Corresponding Author) Master Candidate at the Research Centre for Theology & Philosophy, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA. Email: rabiatusnasna@gmail.com.my; **Nozira Salleh** Ph.D., Senior lecturer at the Research Centre for Theology & Philosophy, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA. Email: aziera@ukm.edu.my

memperkuat lagi nilai-nilai *rabbani* dalam diri beliau. Al-Qaradhawi turut melakukan kajian tasawuf secara lebih meluas dan mendalam menurut Ibnu Taimiyah dan Ibnul Qayyim yang mana ia mengukuhkan pendiriannya untuk beliau berpegang kepada tasawuf yang berorientasikan ketentuan-ketentuan syariah sahaja. Selain itu, pengaruh fahaman aliran yang dibawa oleh Hassan al-Banna (1906-1949) (pengasas Ikhwan Muslimin) juga telah menyebabkan al-Qaradhawi menjauhkan diri beliau daripada tarekat-tarekat sufi yang menyimpang. Menurut al-Qaradhawi, Hassan al-Banna telah menyatakan bahawa faktor terjadinya kerosakan dan kegoncangan dalam bidang pemikiran dan *suluk* ialah disebabkan oleh kemunculan tarekat-tarekat sufi yang menyimpang. Golongan ini merupakan golongan yang telah mengaburi atau mengelirukan masyarakat Islam terhadap tasawuf Islam itu sendiri. Oleh kerana itu, beliau menjadi seorang pemerhati yang bersikap sederhana terhadap aliran tasawuf. Terdapat banyak dakwaan dalam masyarakat tentang tasawuf yang mempunyai banyak kesyirikan dalam bidang akidah, bidaah dalam ibadah, negatif dalam akhlak dan *syatahat* dalam pemikiran. Dalam hal tersebut, al-Qaradhawi tetap menolak perkara-perkara itu kerana dakwaan tersebut tidak benar terhadap tasawuf yang berpandukan kepada al-Quran dan al-Sunnah. Beliau tidak pernah sesekali memusuhi tasawuf. Ini kerana dakwaan-dakwaan tersebut tidak menggambarkan sifat tasawuf yang sebenar. Baginya, golongan yang mengamalkan tasawuf yang benar akan menjaga syariat Islam dan menjauhi perkara-perkara yang berunsur bidaah, syirik dan aspek-aspek yang bertentang dengan al-Quran dan al-Sunnah. Justeru itu, beliau tetap akan mengambil sebahagian tasawuf yang benar untuk disampaikan ke dalam ceramah-ceramah, pengajian-pengajian, karya-karya dan penulisan-penulisan beliau (Yusuf al-Qaradhawi 2012).

Di samping itu, al-Qaradhawi seringkali dijadikan rujukan dalam menyelesaikan masalah umat Islam yang pelbagai, termasuklah dalam bidang tasawuf. Beliau mempunyai pendirian dan pandangannya yang tersendiri dalam hal ini. Al-Qaradhawi sentiasa melihatnya daripada sudut kesederhanaan, di mana beliau tidak terlalu memuji ahli-ahli sufi dan tidak terlalu mengeji mereka. Ini bermakna, beliau lebih gemar untuk bersikap sederhana dalam mengadili seseorang ahli sufi. Kemudian, al-Qaradhawi juga memanggil tasawuf sebagai kehidupan *rabbani* iaitu jauh daripada bidaah sama ada daripada sudut perkataan atau perbuatan, jauh daripada penyimpangan akidah, malah ia mampu mengangkat *ruhiyyah*, menyucikan jiwa, menghidupkan hati nurani, memperbaharui iman, membaiki amal perbuatan, meninggikan akhlak dan mengembangkan hakikat kemanusiaan. Seterusnya, al-Qaradhawi menegaskan bahawa Islam menolak metode-metode tidak jelas yang menyimpang, kependetaan yang ekstrem, penampilan yang palsu, teori-teori falsafah yang jauh daripada fahaman Islam. Oleh itu, kehidupan *rabbani* dalam Islam ialah kehidupan yang amat terikat dengan akhlak serta penyucian jiwa umat Islam untuk mencapai keredaan Allah sekaligus menjadikan mereka benar-benar mengamalkan Islam dalam kehidupan.

BIOGRAFI YUSUF AL-QARADHAWI

Nama penuh Yusuf al-Qaradhawi ialah Yusuf bin Abdullah bin Ali bin Yusuf. Al-Qaradhawi merupakan nama keluarganya. Nama ini diambil dari sebuah daerah yang bernama al-Qardhah dan dinisbahkan kepada keturunannya (al-Qaradhawi 2002; Rumaizuddin 2013). Yusuf al-

Qaradhawi dilahirkan pada tanggal 9 September 1926, di desa Shafat al-Turab, Mahallah al-Kubra Negeri Gharbiah, Mesir. Yusuf al-Qaradhawi berasal daripada keluarga yang sederhana di mana bapanya bekerja sebagai petani dan keluarga di sebelah ibunya bekerja sebagai peniaga. Bapanya meninggal dunia ketika al-Qaradhawi berusia dua tahun, ibunya pula meninggal dunia ketika beliau berusia 15 tahun. Justeru, beliau dipelihara oleh bapa saudaranya yang bernama Ahmad (Ghazali 2012; Zulkifli 2013). Kehilangan bapa dan ibunya ketika beliau masih lagi memerlukan kasih sayang mereka, sudah pasti memberikan kesan yang mendalam kepada dirinya. Beliau hidup secara sederhana dan menghadapi pelbagai cabaran hidup. Bapa saudaranya yang mendidik beliau dengan didikan agama termasuk biah kampungnya yang mementingkan ilmu dan amalan agama berjaya membentuk peribadi dan aspirasi Islam dalam diri beliau (Al-Qaradhawi 2010a;2010b).

Yusuf al-Qaradhawi mendapat pendidikan awal di Kuttab (pendidikan agama) sejak berumur lima tahun dan Madrasah Ilzamiyyah ketika berusia tujuh tahun. Sebelum usianya mencapai 10 tahun, beliau telah berjaya menghafaz al-Quran sepenuhnya, menghafaz kitab *al-Tuhfat* serta menguasai ilmu tajwid dengan baik (Ghazali 2012). Oleh sebab itu, beliau digelar sebagai ‘Sheikh Yusuf’ ketika berumur 10 tahun lagi dan dilantik menjadi imam. Beliau kemudian menyambung pengajiannya di Maahad Rendah Tanta (*Madrasah Ibtid’aiyyah*) selama empat tahun dan di *Madrasah Thanawiyyah* selama lima tahun (Zulkifli 2013).

Kemudian, Yusuf al-Qaradhawi melanjutkan pengajian di Fakulti Usuluddin, Universiti al-Azhar pada tahun 1952 sehingga 1953 dan terpilih sebagai pelajar terbaik keseluruhan. Beliau seterusnya menyambung pelajaran di peringkat ijazah Sarjana di Fakulti Bahasa Arab dan Diploma Pendidikan dengan pangkat kelas pertama. Beliau juga memperolehi Diploma Bahasa Arab dan Sastera daripada Akademi Kajian Bahasa Arab Tinggi. Pada tahun 1960, beliau telah menamatkan pengajian di peringkat Ijazah Tinggi di Fakulti Usuluddin di dalam bidang tafsir dan hadis. Beliau kemudiannya menyambung pengajian di peringkat Doktor Falsafah, namun terpaksa menangguhkan pengajiannya selama 13 tahun disebabkan keadaan politik Mesir yang cukup gawat beberapa tahun. Akhirnya pada tahun 1973, al-Qaradhawi berjaya memperolehi ijazah Doktor Falsafah dengan kepujian melalui tesisnya yang bertajuk *Fiqh al-Zakat*. (Muhammad Kamil 2011; Ghazali 2012).

Al-Qaradhawi telah dikenali sebagai ‘Ulama Rakyat’ dan ‘*Public Intellectual*’ kerana kehebatannya sebagai ulama, pemikir, sarjana dan intelektual yang tersohor dalam ilmu-ilmu Islam dan menyelesaikan masalah ummah (Al-Qaradhawi 1994). Sebagai ‘*public intellectual*’, al-Qaradhawi menghabiskan banyak waktunya berdamping dengan masyarakat. Beliau memberikan kuliah dan khutbah di masjid, menjadi imam, menjadi pengetua Maahad Agama dan pengasas kuliah pendidikan dan pengajian Islam di universiti. Beliau memberikan sumbangan dalam menentukan isi kandungan dan sukatan pengajian pendidikan di Qatar. Al-Qaradhawi juga terlibat dalam pelbagai aktiviti kebajikan dan kemasyarakatan. Kesibukan dan pengorbanan beliau menyumbang kepada masyarakat menjadikan Yusuf al-Qaradhawi sentiasa dihormati dan dihargai oleh sebahagian besar umat Islam di seluruh pelusuk dunia. (Al-Qaradhawi 2012a; Zulkifli 2013).

Al-Qaradhawi merupakan ilmuan yang menguasai pelbagai bidang ilmu seperti akidah, sumber hukum Islam iaitu al-Quran dan al-Sunnah, *usul al-fiqh*, ibadat, hal ehwal wanita dan kekeluargaan, kemasyarakatan, ekonomi dan kewangan, perubatan, politik dan pemerintahan (Ghazali, 2012). Beliau bukan sahaja menghasilkan penulisan akademik yang berkualiti tinggi dan menjadi rujukan utama para ilmuan daripada seluruh dunia, tetapi beliau juga turut menyumbangkan pelbagai makalah di dalam pelbagai majalah dan akhbar harian di peringkat antarabangsa. Antara buku-buku beliau yang hampir kesemuanya telah diterjemah ke dalam pelbagai bahasa seperti Inggeris, Bahasa Melayu dan lain-lain lagi adalah Fiqh Zakat, Fiqh Memahami keutamaan, Bagaimana Berinteraksi dengan al- Sunnah, Fiqh Kenegaraan, *Harakah Islamiyyah* Satu Tuntutan Kebangunan Islam di antara Tantangan dan Ekstrimisme, Kritik dan Saran Untuk para Da'i Pasang Surut Gerakan Islam, Detik-Detik masa dalam Kehidupan Muslim, Gejala Kafir Mengkafir, Di Manakah Kepincangan Umat, Ibadah dalam Islam, Membangunkan Ummah Suatu Kenyataan bukan Khayalan, Kebangkitan Gerakan Islam dari Masa Transisi Menuju Kematangan, Agama dan Politik, Rukun Dakwah Ikhwanul Muslimun dan banyak lagi (Zulkifli 2013).

Semasa hayatnya, al-Qaradhawi menjawat pelbagai jawatan dan memperolehi pelbagai pengiktirafan di peringkat antarabangsa. Antara jawatan yang pernah disandang oleh beliau adalah Penyelia Hal Ehwal di Kementerian Wakaf dan Jabatan Kebudayaan Islam al-Azhar, Pengasas dan Dekan Fakulti Shari'ah dan Pengajian Islam, Universiti Qatar (1977-1990), Pengarah Kolej Agama, Qatar (1961-1972), Pengarah Bahagian Pengajian Islam di Fakulti Pendidikan, Qatar (1973) dan Pengarah Pusat Pengkajian Sunnah dan Sirah, Universiti Qatar. Beliau juga merupakan Pengerusi Kesatuan Ulama Sedunia, ahli Majlis *Rabitah al-Alam al-Islami* di Mekah, ahli Lembaga Fiqah Islam di Mekah, ahli Majlis Pengajian Islam Eropah di Perancis termasuk penasihat Shari'ah di beberapa buah bank Islam. Selain itu, al-Qaradhawi turut mendapat pengiktirafan di seluruh dunia melalui pelbagai anugerah yang diterimanya seperti Anugerah Ekonomi Islam Bank Pembangunan Islam (1991), Anugerah Antarabangsa Raja Faisal dalam bidang pengajian Islam (1994), Anugerah Kecemerlangan Sarjana Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (1996), Anugerah Sultan Hasan al-Bolkiah dalam bidang Fiqh (1997), Anugerah Sultan al-Uwais, Emiriyah Arab Bersatu (1999), Anugerah Antarabangsa Dubai (2000) dan Anugerah Tokoh Maal Hijrah (2009) (Al-Qaradhawi 2012a; Ghazali 2012; Zulkifli 2013).

Al-Qaradhawi meninggal dunia pada tanggal 26 September 2022 iaitu pada hari Isnin. Beliau meninggal dunia di Qatar, pada usianya 96 tahun. Beliau telah dikebumikan di Tanah Perkuburan Abu Hamour.

KONSEP TASAWUF MENURUT AL-QARADHAWI

Al-Qaradhawi memandang tasawuf sebagai khazanah intelektual dalam pendidikan akhlak dan perilaku iman seseorang Muslim. Oleh kerana itu, al-Qaradhawi berpendapat bahawa seseorang Muslim perlu kepada ilmu tasawuf bagi mengetahui hal ehwal yang bersifat batin, sebagaimana seseorang Muslim itu juga memerlukan ilmu feqah untuk mengetahui hukum-hukum yang bersifat zahir. Hal ini secara langsung menunjukkan bahawa al-Qaradhawi bukan sahaja menitikberatkan ilmu feqah tetapi beliau turut memberi perhatian penuh kepada ilmu

tasawuf. Di samping itu, usaha tumpuannya kepada tasawuf juga dapat dilihat melalui ketekunan beliau dalam menghasilkan karya yang berkaitan dengan tasawuf seperti aspek *ruhiyah* dan *rabbani*, iman serta akhlak (Al-Qaradhawi 2012). Al-Qaradhawi telah menjadikan al-Quran dan al-Sunnah sebagai sumber rujukan utama beliau dalam menghasilkan karya-karya yang berkaitan dengan aspek tersebut.

i-Tasawuf merupakan kehidupan *ruhiyah* dan *rabbani*

Perkataan *rabbani* merupakan kalimah yang bersandarkan kepada kalimah “*al-rabb*” yang bermaksud Tuhan. Perkataan ini juga terdapat dalam kamus Dewan Bahasa & Pustaka (1994), bererti “ketuhanan”. Oleh itu, secara ringkas dan tepat, perkataan *rabbani* berasal daripada perkataan *Robb* iaitu Allah, Tuhan yang Maha Esa, Pencipta, Pemilik dan Pentadbir alam semesta. Dalam menjelaskan tentang kehidupan kerohanian Islam, al-Qaradhawi cenderung menggunakan istilah *rabbani*. Ini kerana kehidupan *rabbani* itu sendiri merupakan salah satu cara untuk mencapai tasawuf Islam. Perkataan *rabbani* ini juga dinisbahkan kepada Allah atau kepada sesuatu yang bersumberkan daripada Allah. Hal ini membawa maksud bahawa Islam ialah agama yang datang daripada Allah dan manusia adalah sebagai pelaksana kepada segala ketentuan yang telah ditetapkan. Seorang Muslim dikenali sebagai golongan *rabbani* apabila dapat mendekatkan dirinya kepada Allah, malah *rabbani* juga bersumberkan kepada wahyu Allah kepada Rasulullah S.A.W. yang merangkumi seluruh aspek kehidupan manusia. Oleh hal yang demikian, seseorang yang meletakkan ciri-ciri *rabbani* dalam diri akan dapat mencapai kehidupan *rabbani* dalam kehidupannya (Al-Qaradhawi 2012).

Al-Qaradhawi (2012) amat mementingkan kehidupan *rabbani* dan pendidikan keimanan dalam kehidupan umat Islam. Hal ini diperhatikan oleh beliau melalui pengalamannya sendiri mengikuti aktiviti dan pengajian-pengajian lapangan dengan masyarakat awam, golongan pelajar dan juga bersama para aktivis jemaah *Islamiyah* yang pelbagai. Justeru, beliau dapat menyimpulkan bahawa pentingnya pendidikan keimanan yang benar dalam kehidupan umat Islam. Hal ini kerana, pendidikan keimanan ini dapat membersihkan hati golongan yang cenderung kepada keduniaan dan golongan yang mementingkan diri sendiri. Pendidikan ini juga akan mampu membimbing mereka kepada Allah, malah dapat membebaskan mereka daripada penyembahan kepada kebendaan, hawa nafsu serta sesuatu yang khurafat, yang akhirnya mereka tetap akan tunduk kepada Allah semata-mata. Menurut al-Qaradhawi (2012; 1998), umat Islam amat memerlukan kepada *tazkiyatun nufus* (penyucian jiwa). Hal ini kerana, beliau melihat mereka tidak akan meraih kejayaan tanpa adanya *tazkiyatun nufus* tersebut, sebagaimana firman Allah dalam al-Quran, maksudnya:

Dan jika serta penyempurnaannya (penciptaannya), maka Allah mengilhamkan kepada jiwa itu (jalan) kefasikan dan ketakwaannya, sesungguhnya beruntunglah orang yang menyucikan jiwa itu dan sesungguhnya rugilah orang yang mengotorinya” (Surah al-Syams: 7-10).

Al-Qaradhawi (2012;1998) menjelaskan bahawa *tazkiyah* itu berasal daripada perkataan zakat yang bermaksud suci dan berkembang. Suci bermaksud bebas daripada sifat kemunafikan dan

sifat-sifat tercela. Sementara yang dimaksudkan dengan berkembang ialah dengan meletakkan diri dengan keimanan dan sifat-sifat terpuji. Hal ini, menurut al-Qaradhawi bersesuaian dengan ungkapan para *salik* seperti istilah *takhliyah* dan *tahliyah*. Begitu juga al-Qaradhawi (2012) melihatnya menerusi al-Quran yang telah menetapkan tugas Rasul yang asas iaitu *tazkiyah* disertakan dengan membaca ayat-ayat Allah serta mengajar al-Kitab dan *al-hikmah*. Rasulullah S.A.W telah melaksanakan tugas tersebut dengan sebaik-baiknya. Baginda juga telah mendidik generasi yang terbaik iaitu generasi yang berbekalkan keimanan, golongan ahli ibadah yang dikenali sebagai generasi berakhlak dan rela berkorban serta generasi yang bersedia untuk berjihad di jalan Allah. Generasi ini diibaratkan oleh al-Qaradhawi sebagai guru yang bertugas mengajar seluruh manusia setelah Baginda wafat. Justeru, al-Qaradhawi menjelaskan bahawa semua manusia sangat memerlukan teladan kepada generasi *rabbani* ini.

Menurut al-Qaradhawi (1993; 2012), tasawuf dalam agama merupakan sesuatu yang menekankan sudut kerohanian, *ubudiyyah* dan permasalahan yang berkaitan dengan kedua-dua aspek tersebut. Beliau menggambarkan tasawuf Islam sebagai sesuatu yang membawa perimbangan yang terbaik antara kehidupan rohani dan jasmani serta penggunaan akal manusia. Hal ini dapat dilihat pada penghayatan kehidupan yang sebenar, yang mana seseorang manusia itu memahami hakikat kehidupannya di atas muka bumi ini. Mereka menggunakan kebaikan pada jasmani, rohani dan akal dengan sebaiknya untuk memenuhi tanggungjawab sebagai seorang hamba Allah dan khalifah.

Selain itu, al-Qaradhawi (1993; 2012) juga mengemukakan ciri-ciri khas kehidupan *ruhiyah* yang terdapat dalam agama Islam yang sebenar. Kehidupan *ruhiyah* ini juga dikenali oleh al-Qaradhawi sebagai kehidupan *rabbani*. Menurut al-Qaradhawi (1993), kehidupan *ruhiyah* Islam adalah berbeza berbanding kehidupan *ruhiyah* agama-agama lain. Al-Qaradhawi telah menyenaraikan ciri-ciri kehidupan *ruhiyah* di dalam Islam iaitu yang pertama ialah mentauhidkan Allah, seterusnya ialah *ittiba'* iaitu mengikut sunnah Nabi S.A.W, ciri yang ketiga ialah bersifat luas dan komprehensif, keempat ialah *istimrar* iaitu berlanjutan, kelima pula ialah mudah dan meluas, kemudian bersifat seimbang atau sederhana dan yang terakhir ialah bersifat pelbagai (variasi). Ciri-ciri kehidupan *ruhiyah* Islam ini telah menunjukkan bahawa agama Islam itu adalah satu agama yang sempurna dan lengkap bagi kehidupan seorang manusia. Agama Islam juga tidak membebankan penganutnya, malah semua ibadah yang berlandaskan syariat mendatangkan pahala kepada setiap pelaku. Selain itu, seseorang yang berusaha mencapai kehidupan *rabbani* akan dapat mendekatkan diri kepada Allah serta mendapat keredaan-Nya.

Seterusnya, al-Qaradhawi (1993) juga mengemukakan contoh amalan-amalan hati dalam mencapai aspek *rabbani* dalam kehidupan seorang Mukmin. Akhlak *rabbani* yang disentuh oleh al-Qaradhawi adalah seperti sabar, ikhlas, tawakal dan juga taubat. Melalui sifat-sifat ini, umat Islam dapat membersihkan jiwa mereka dan meneguhkan aspek kehidupan yang bercirikan Islam sepenuhnya. Oleh sebab itu, al-Qaradhawi tegaskan bahawa tidak terdapat cara lain bagi manusia secara umumnya dan umat Islam secara khususnya untuk mencapai kebahagiaan hidup yang hakiki di dunia dan di akhirat kecuali dengan menikmati kehidupan *rabbani*. Hal ini disebabkan manusia amat memerlukan “kehidupan *rabbani* yang bersih” iaitu

kehidupan yang dapat mengangkat martabat manusia, dan sekaligus membantunya mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. Menurut al-Qaradhawi, manusia sangat memerlukan “kejujuran bersama kebenaran” dan “budi pekerti bersama dengan makhluk”. Kedua-dua pernyataan ini menurut beliau adalah ringkasan tasawuf atau bentuk ketakwaan kepada Allah serta ihsan kepada makhluk-Nya (Al-Qaradhawi 1998;2004;2013).

ii-Tasawuf bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah

Dalam membahaskan sumber tasawuf, al-Qaradhawi yakin bahawa al-Quran dan al-Sunnah sebagai sumber utama tasawuf Islam. Menurut al-Qaradhawi (1993; 2008), terdapat ramai daripada golongan Ahlu Sunnah Wal Jamaah dan ulama Salaf yang menjalankan tasawuf sebagaimana yang telah diajarkan oleh al-Quran. Oleh kerana itu, mereka telah berusaha mempertimbangkan tasawuf dengan timbangan al-Quran dan al-Sunnah. Al-Qaradhawi (1993) menjelaskan lagi bahawa golongan sufi terdahulu selalu memberi peringatan supaya tidak menyimpang daripada garis syariat dan hukum-hukum yang terdapat padanya. Dalam hal ini, al-Qaradhawi mengambil pengajaran daripada Ibnu Qayyim (w.1350) yang telah menjelaskan mengenai golongan sufi tersebut. Antara sufi yang masyhur dengan kata-katanya tentang keterikatan ahli sufi dengan Quran dan al-Sunnah ialah al-Junaid Bin Muhammad (w.910) yang menyatakan bahawa semua jalan adalah tertutup bagi manusia, kecuali jalan yang dilalui oleh Nabi S.A.W dan sesiapa yang tidak menghafaz al-Quran serta menulis hadis-hadis Nabi S.A.W, maka tidak boleh dijadikan panduan dan ikutan oleh manusia.

Seterusnya, al-Qaradhawi (1993; 2012) sentiasa menegaskan bahawa amalan dan penghayatan ahli sufi sesungguhnya ia berakar umbi daripada kedua-dua sumber itu. Ia digambarkan oleh al-Qaradhawi menerusi contoh teladan daripada kehidupan Nabi Muhammad S.A.W. dan para Sahabat. Baginda merupakan contoh teladan yang terbaik dalam aspek kerohanian dan amal ibadat untuk mendekatkan diri kepada Allah S.W.T. Keadaan ini dapat dijelaskan bagaimana Baginda menunjukkan sifat kesederhanaan dalam kehidupan sehariannya, malah Baginda melarang umatnya untuk melakukan sesuatu ibadah itu secara berlebih-lebihan sebagaimana yang dilakukan oleh golongan tasawuf yang menyimpang.

Kemudian, al-Qaradhawi (1993; 2012) gambarkan lagi sifat kesederhanaan itu melalui penciptaan manusia yang terdiri daripada tiga unsur iaitu roh, akal dan jasad. Ketiga-tiga unsur tersebut perlu diberi hak yang bersesuaian dengan keperluan masing-masing. Ketika Nabi Muhammad S.A.W melihat salah seorang Sahabat yang berlebih-lebihan dalam salah satu aspek kehidupan, Baginda segera menegur Sahabat tersebut. Keadaan ini terjadi kepada Abdullah Bin Amr Bin Ash, yang mana dia telah berpuasa terus-menerus tanpa terbuka, melakukan ibadat sepanjang malam dan tidak pernah tidur, serta meninggalkan isteri dan kewajibannya. Hal ini menyebabkan Baginda menegur dengan sabdanya, maksudnya:

Wahai Abdullah, sesungguhnya bagi dirimu ada hak (untuk tidur), bagi isteri dan keluargamu ada hak (untuk bergaul), dan bagi jasadmu ada hak. Maka, masing-masing ada haknya. (Riwayat Imam al-Bukhari)

Sebahagian daripada para Sahabat Nabi Muhammad S.A.W pernah bertanya kepada isteri-isteri Rasulullah mengenai ibadat Baginda yang luar biasa. Mereka (para isteri Rasulullah)

menjawab, “Kami amat jauh daripada Nabi Muhammad S.A.W, yang mana dosa Baginda telah diampuni oleh Allah S.W.T, baik dosa yang telah lampau mahupun dosa yang belum dilakukan”. Kemudian salah seorang di antara mereka berkata, “aku akan beribadat sepanjang malam”, manakala yang lain pula ada yang menyatakan, “aku tidak akan berkahwin”. Hal tersebut telah sampai kepada pengetahuan Baginda, lalu mereka dipanggil dan Rasulullah S.A.W berbicara di hadapan mereka. Nabi Muhammad S.A.W bersabda, maksudnya:

Sesungguhnya aku ini lebih mengetahui daripada kamu akan makrifat Allah dan aku lebih takut kepada-Nya daripada kamu, tetapi aku bangun, tidur, berpuasa, berbuka, berkahwin dan sebagainya, itu semua adalah sunnah. Barangsiapa yang tidak senang dengan sunnahku, maka ia tidak termasuk dalam golonganku. (Riwayat Imam al-Bukhari)

Al-Qaradhawi (1993) menegaskan bahawa kedua-dua hadis Nabi tersebut jelas menunjukkan bahawa Islam melarang umatnya melakukan sesuatu perkara secara berlebih-lebihan dan mengharuskan untuk mengisi masa yang terluang dengan perkara-perkara yang membawa manfaat serta menghayati setiap bahagian kehidupan ini dengan sebaiknya.

Dalam membincangkan sumber utama kepada ambilan amalan dan ajaran tasawuf, al-Qaradhawi membawa datang tentang anggapan sebilangan golongan yang mencela tasawuf, dengan meyakini bahawa sumber tasawuf ini telah diambil daripada agama Masehi, Buddha dan lain-lain lagi. Sesungguhnya al-Qaradhawi menolak kenyataan ini dan menjelaskan bahawa sumber tasawuf ialah berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah serta mengambil iktibar daripada kehidupan para Sahabat yang zuhud dan tidak menyukai kemewahan. Oleh itu, beliau (1993) menegaskan; “tasawuf terdapat dalam Islam dan mempunyai dasar yang mendalam, tidak dapat diingkari dan disembunyikan. Dapat dilihat dan dibaca dalam al-Quran, Sunnah Rasulullah S.A.W dan para Sahabat yang mempunyai sifat-sifat *zuhud*, tidak menyukai kehidupan mewah sebagaimana sikap Khalifah Umar r.a, Ali r.a, Abu Darda’, Salman al-Farisi, Abu Dzar r.a dan lain-lain. Berdasarkan penjelasan al-Qaradhawi tersebut, jelas menunjukkan bahawa beliau berkeyakinan bahawa tasawuf amat terikat dengan al-Quran dan al-Sunnah. Ini kerana beliau menegaskan bahawa terdapat banyak ayat al-Quran yang menganjurkan manusia supaya mengawasi diri daripada godaan yang berupa kesenangan atau fitnah dunia. Di samping itu, al-Quran dan hadis Nabi S.A.W juga telah menerangkan mengenai tawakal, taubat, syukur, sabar, yakin, takwa, *muraqabah* dan lain-lain lagi. Kesemua perkara tersebut diberi perhatian penuh oleh para sufi di mana mereka telah mentafsir dan membahas dengan teliti perkara-perkara tersebut (al-Qardhawi 1993; 2012; 2013).

Justeru, jelaslah bahawa al-Qaradhawi menyatakan bahawa tasawuf tersebut sebagai jalan menuju Allah yang dilakukan dalam keadaan umat Islam tidak meminggirkan al-Quran dan sunnah Rasulullah S.A.W itu sendiri. Hal ini berdasarkan kepada penerangan al-Qaradhawi terhadap sifat kesederhanaan Rasulullah S.A.W dalam beribadat. Baginda merupakan teladan insan yang sempurna sama ada daripada sudut akhlak, atau pun ibadat untuk mendekatkan diri kepada Allah. Rasulullah melarang umat Baginda untuk melakukan sesuatu dalam keadaan yang berlebih-lebihan. Oleh itu, perbuatan golongan sufi yang berlebih-lebihan dalam ibadat adalah sesuatu yang dilarang dalam agama, dan mereka dikenali sebagai golongan Sufi yang

menyimpang. Manakala golongan sufi yang tidak bersikap sedemikian adalah golongan yang mengutamakan al-Quran dan al-Sunnah dalam kehidupan mereka. Golongan sufi ini juga telah menjadikan sifat serta akhlak Rasulullah S.A.W sebagai contoh dan teladan untuk mencapai kehidupan yang *rabbani*.

iii-Salah faham tentang tasawuf

Dalam isu dan masalah kekeliruan umat Islam mengenai tasawuf, al-Qaradhawi memandangnya sangat serius. Pada zaman Sahabat Nabi Muhammad S.A.W, kaum Muslimin serta pengikutnya, mereka telah mempelajari tasawuf, agama Islam dan hukum-hukum Islam secara menyeluruh tanpa pengecualian. Al-Qaradhawi (1993) menjelaskan lagi bahawa tidak terdapat satu bahagian pun yang tidak dipelajari dan diamalkan pada masa tersebut. Baik dari segi zahir mahupun batin, urusan dunia mahupun akhirat, masalah peribadi mahupun kemasyarakatan, bahkan masalah yang berhubung dengan penggunaan akal malah perkembangan jiwa dan jasmani turut mendapat perhatian. Namun begitu, faktor timbulnya perubahan dan kesulitan dalam kehidupan baru yang dihadapi umat Islam selepas zaman tersebut ialah kemunculan pengaruh daripada dalam dan luar yang meresap masuk dalam masyarakat Islam. Di samping itu, terdapatnya bangsa-bangsa yang berbeza fahaman dan aliran dalam masyarakat yang semakin hari kian bertambah bilangannya.

Dalam keadaan pelbagai aliran dan kefahaman tersebut, al-Qaradhawi (1993; 2008; 2012) melihat munculnya golongan yang mana perhatiannya dibatasi pada bahagian akal iaitu *Ahlu Kalam* dan *Muktazilah*. Selain itu, terdapatnya golongan yang mana perhatiannya dibatasi pada bahagian zahir atau hukum-hukum sahaja seperti *ahli Fiqih*. Seterusnya terdapat juga golongan yang mana perhatiannya hanya pada kebendaan seperti orang kaya dan sebagainya. Maka pada saat itu, muncul golongan sufi yang mana perhatiannya terbatas pada bahagian *ubudiah* sahaja, terutamanya pada bahagian peningkatan dan penghayatan jiwa untuk mendapatkan keredaan Allah dan keselamatan daripada kemurkaan-Nya. Demi mencapai tujuan tersebut, maka diharuskan *zuhud* atau hidup dalam keadaan yang sederhana di samping mengurangi kehendak hawa nafsu. Hal ini sebagaimana yang telah diambil daripada pengertian syariat dan takwa kepada Allah. Seterusnya, al-Qaradhawi (1993) menambah analisisnya bahawa timbulnya pada zaman tersebut keadaan atau hal baru iaitu cinta kepada Allah (*mahabatullah*). Keadaan ini seperti yang dinyatakan oleh al-Qaradhawi mengenai perihal tokoh-tokoh sufi seperti Rabi'ah al-Adawiyah, Abu Yazid al-Bistami dan Sulaiman al-Darani. Mereka ini merupakan tokoh-tokoh sufi yang berpendapat bahawa ketaatan dan kewajipan bukan kerana ketakutan pada azab api neraka, dan bukan juga keinginan terhadap nikmat syurga, tetapi demi cinta kepada Allah dan mencari keredhaanNya.

Setelah itu, terdapat banyak pergolakan dan masalah timbul dalam masyarakat Islam, antaranya isu yang berkaitan tasawuf. Antara dakwaan yang berlegar dalam masyarakat Islam tentang tasawuf ialah ia dianggap bidaah. Keadaan ini bukan sahaja menyebabkan tasawuf Islam dipinggirkan daripada ilmu-ilmu Islam yang lain, malah kadang-kala menjadi sesuatu yang asing dalam masyarakat Islam itu sendiri. Antara punca kepada fitnah dan keadaan yang meminggirkan tasawuf, al-Qaradhawi (1993;2012) menyatakan bahawa terdapatnya golongan yang menganggap diri mereka sebagai ahli sufi, namun pada hakikatnya mereka adalah

golongan yang menyimpang. Baginya, golongan ini merupakan mereka yang tidak mengutamakan dan meremehkan ilmu syariah dalam kehidupan mereka, malah menjadikan perasaan, *kasyaf* dan ilham sebagai asas atau dasar pengetahuan. Contohnya, mereka meremehkan solat fardhu atau solat Jumaat, namun mereka meneruskan amalan berkhawat, berzikir dan lain-lain lagi. Mereka juga mengutamakan pendapat yang tercetus daripada ilham mereka berbanding pendapat jumur ulama dalam membuat sesuatu keputusan dan hukum. Kemudian, al-Qaradhawi (1993) menjelaskan bahawa mereka menyebut golongan yang mempunyai pengetahuan dalam ilmu syarak dengan sebutan “alim” manakala golongan yang mempunyai *kasyaf* sufi dengan sebutan “arif”. Golongan sufi yang menyimpang ini berpendapat bahawa jika sesuatu perkara tersebut didapati melalui jalan makrifat maka seseorang tersebut terjaga kebenarannya, sebaliknya jika sesuatu itu datang melalui jalan ilmu, maka seseorang yang menyampaikan tersebut akan diduga, diragui dan dianggap tidak mencukupi walaupun perkara yang disampaikan tersebut bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah. Seterusnya, al-Qaradhawi menerangkan lagi bahawa mereka juga menyatakan tentang seseorang yang berinteraksi dengan orang alim, maka seseorang itu akan mendapat sesuatu yang tidak membawa faedah tetapi berbeza pula jika seseorang itu bergaul dengan orang yang arif, seseorang itu akan merasa dan mendapat ketenangan hati. Menurut golongan sufi ini, orang arif iaitu mereka yang mengutamakan perasaan merupakan golongan yang bersifat terbuka, manakala orang alim iaitu mereka yang berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah pula hanya pandai mencela, mengkritik dan merosakkan. Oleh yang demikian, kefahaman ini menurut al-Qaradhawi (2012) adalah membahayakan kerana memandang rendah pada syariat Islam dan memandang tinggi kepada ciri tasawuf yang berasaskan perasaan semata-mata.

Seterusnya, al-Qaradhawi (1993;2012) menyatakan bahawa terdapat juga golongan yang terlampau dalam mendalami tasawuf sehingga menyebabkan mereka menyimpang daripada kebenaran dan mengamalkan amalan-amalan yang bukan berlandaskan Islam. Baginya, sikap berlebihan golongan ini dapat dilihat dalam masalah pentarbiyahan dan pendidikan. Beliau melihatnya dalam aspek perihal seorang murid yang diibaratkan seperti mayat di hadapan guru mereka. Al-Qaradhawi (2012) melihat ketaksuban sesetengah mereka ini menyebabkan mereka meyakini guru mereka sebagai *maksum* dan tidak pernah melakukan sebarang kesalahan. Justeru, semua kenyataan guru mereka adalah benar sehingga tidak dibenarkan untuk bertanya “mengapa atau kenapa”. Bagi al-Qaradhawi, keadaan ini tidak terdapat dalam penyampaian ilmu di dalam Islam, kerana Islam menggalakan para pelajar untuk bertanya kepada gurunya sekiranya tidak faham tentang sesuatu perkara.

Selain itu, al-Qaradhawi menyentuh juga aspek lain yang menyimpang walau ia atas nama Islam. Aspek tersebut adalah fahaman bersatunya seorang hamba dengan Tuhan. Menurut al-Qaradhawi (1993), pandangan sebegini mula berubah dalam sejarah tasawuf Islam daripada pendidikan akhlak dan latihan jiwa kepada kefahaman-kefahaman baru atas nama Islam yang menyimpang iaitu aliran *al-Ghauhu Bil Hulul Wa Wahdatul Wujud* (fahaman yang mana bersatunya hamba dengan Allah). Kemudian beliau menambah lagi bahawa fahaman ini juga dianuti oleh al-Hallaj yang merupakan seorang tokoh sufi. Disebabkan oleh kenyataan beliau iaitu “Saya adalah Tuhan”, maka al-Hallaj telah dihukum mati pada tahun 309H. Justeru, beliau menyatakan bahawa ramai daripada kalangan sufi sendiri yang menolak kefahaman al-

Hallaj ini. Seterusnya, beliau menerangkan lagi tentang kefahaman *hulul* yang bermaksud Allah bersemayam di dalam makhluk adalah sama dengan kefahaman kaum Nasrani terhadap Isa al-Masih. Dalam hal ini, al-Qaradhawi menjelaskan bahawa falsafah ini adalah sangat berbahaya kerana ia dapat menghilangkan rasa tanggungjawab dalam diri manusia, dengan anggapan bahawa semua manusia adalah sama, baik yang jahat ataupun baik, yang bertauhid atau tidak, dan kemudiannya semua makhluk menjadi tempat bagi *tajalli (kasyaf) al-Hak* iaitu Allah. Oleh yang demikian, al-Qaradhawi menegaskan bahawa keadaan demikian boleh menimbulkan andaian yang pelbagai seperti terdapat andaian yang menilai masalah tasawuf tersebut secara taksud dengan memuji yang keterlaluan ahli sufi dan meyakini bahawa semua ajaran ahli tasawuf adalah baik. Seterusnya, terdapat juga golongan yang mencela tasawuf dan menganggap semua ajaran ahli tasawuf adalah tidak benar dan menyeleweng.

Di samping itu, al-Qaradhawi (1993; 2012) menyatakan bahawa fahaman tersebut telah mencetuskan pelbagai dakwaan dan konotasi negatif tentang tasawuf, di mana terdapat golongan yang mendakwa bahawa aliran tasawuf mempunyai banyak aspek kesyirikan dalam bidang akidah, aspek bidaah dalam bidang ibadah, aspek negatif dalam akhlak dan sebagainya lagi. Sesungguhnya golongan sufi yang menyimpang ini menurut al-Qaradhawi ialah golongan yang telah mencemar kesucian tasawuf Islam dan menjejaskan kebaikan yang dibawa oleh golongan sufi yang berlandaskan Islam. Hal ini kerana golongan sufi yang berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah amat mementingkan syariat, malah mereka sentiasa memberi peringatan kepada umat Islam lain supaya tidak menyimpang daripada ajaran al-Quran dan al-Sunnah. Antara tokoh sufi yang memberi contoh terbaik dalam tasawuf Islam adalah ialah al-Junaid Bin Muhammad, Abu Khafs, Abu Yazid al-Bistami, Rabi'atul Adawiyah dan ramai lagi.

KRITIKAN AL-QARADHAWI TENTANG TASAWUF

Al-Qaradhawi tidaklah memandang keseluruhan tasawuf itu menyimpang dan menyesatkan umat Islam. Beliau telah membuat kajian mendalam mengenai isu-isu yang berkaitan dengan tasawuf. Oleh sebab itu, beliau mengutarakan banyak kritikan mengenai isu tasawuf tersebut. Kritikan beliau dapat dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama ialah merujuk kepada kritikan al-Qaradhawi terhadap unsur-unsur negatif dalam tasawuf manakala bahagian kedua pula ialah kritikan beliau terhadap unsur-unsur positif dalam tasawuf.

Kritikan al-Qaradhawi tentang Unsur-Unsur Negatif

Dalam membincangkan tentang isu-isu yang berkaitan tasawuf, al-Qaradhawi (1993) telah mengemukakan beberapa kritikan negatif terhadap hal tersebut. Antara kritikan tersebut ialah berkaitan dengan sumber tasawuf yang telah diselewengkan daripada syariat Islam iaitu al-Quran dan al-Sunnah oleh segelintir golongan sufi yang menyimpang. Pada hakikatnya, golongan sufi yang dimaksudkan oleh al-Qaradhawi tersebut ialah mereka yang bersikap melampau dalam mendalami tasawuf sehingga mereka menyimpang daripada kebenaran dan mengamalkan teori yang bukan berlandaskan Islam. Al-Qaradhawi (1993) menggelarkan teori tersebut sebagai *syathahat* orang-orang sufi atau boleh dijelaskan juga sebagai perasan yang halus, yang mana ia dijadikan sebagai sumber hukum mereka. Berdasarkan kritikan al-Qaradhawi tersebut, jelaslah bahawa golongan ini amatlah berbeza dengan golongan sufi yang

berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah. Oleh itu, sikap mereka (golongan sufi yang menyimpang) telah menyebabkan sebahagian tasawuf mula dilihat sebagai ilmu yang tidak berlandaskan Islam tetapi berdasarkan *wijd* (perasaan) semata-mata.

Al-Qaradhawi (1993; 2012) juga mengkritik sistem pembelajaran yang diamalkan oleh sebilangan ahli tasawuf, yang dilihatnya menyimpang. Perkara ini berkaitan dengan sikap segolongan murid yang mempelajari tasawuf, di mana mereka menaruh kepercayaan yang tinggi terhadap guru-guru mereka. Ini dapat dilihat melalui penjelasan al-Qaradhawi berkaitan dengan perihal seorang murid yang berada di hadapan guru dalam keadaan yang tunduk patuh sehingga diibaratkan sebagai mayat yang berada di tengah-tengah orang-orang yang memandikannya. Dengan sikap sedemikian, al-Qaradhawi (2012) menggambarkan keadaan golongan tersebut yang menganggap bahawa semua perkara yang disampaikan oleh guru mereka adalah sesuatu yang benar. Ini menyebabkan mereka mentaati setiap apa yang diperintah oleh guru mereka walaupun bertentangan dengan syarak. Tambahan lagi, mereka dilarang untuk bertanya kepada guru mereka soalan—soalan yang berkaitan “mengapa” atau “apa”. Namun, mereka hanya dituntut untuk mentaati tanpa memberi persoalan kepada guru dan jika perkara yang dilarang tersebut dilakukan, maka mereka akan diibarat seperti orang yang tidak mendapat keuntungan untuk selama-lamanya. Ini bermaksud, seseorang tersebut akan mendapat sesuatu yang sia-sia dalam kehidupannya. Bagi al-Qaradhawi, perkara ini jelas bertentangan dengan sistem pendidikan Islam yang sebenar. Hal ini kerana, dalam sistem pendidikan Islam, seseorang boleh mendapat penjelasan daripada guru mereka dan dilarang untuk bersikap taksub terhadap guru. Selain itu umat Islam juga boleh menolak dan mengambil pendapat seseorang kecuali sesuatu yang telah disampaikan oleh Rasulullah S.A.W. Ini kerana Rasulullah S.A.W merupakan seorang yang *maksum* dan apa yang disampaikan oleh Baginda adalah merupakan wahyu daripada Allah S.W.T.

Selain itu, al-Qaradhawi mengkritik aspek akidah dan perkara yang berkaitan dengan khurafat dalam tasawuf yang dilakukan oleh sesetengah golongan sufi. Dalam masalah ini, al-Qaradhawi mengkhususkan penjelasannya kepada golongan yang berpegang kepada *wahdatul wujud* iaitu bersatunya Tuhan dengan makhluk. Menurut al-Qaradhawi, umat Islam menolak dengan tegas pelbagai kebatilan tasawuf yang berbaur falsafah seperti *al-Hulul Wa Ittihad* iaitu bermaksud “bersatunya Tuhan dengan makhluk”. Selain itu, mereka juga menolak pelbagai ajaran tasawuf yang berbaur bidaah dan penyimpangan yang berlaku dalam tasawuf. Menurut beliau lagi, apa yang dikehendaki oleh umat Islam adalah hakikat tasawuf yang sebenar sebagaimana yang telah dilakukan oleh para *zahid* terdahulu, seperti al-Hasan al-Basri, al-Fudhail Bin ‘Iyadh, ‘Ibrahim Bin Adham, Abu Sulaiman ad-Darani, Abul Qasim al-Junaid dan lain-lain. Oleh kerana itu, umat Islam memerlukan tasawuf Sunni yang berpegang teguh pada *manhaj* Qur’an Nabawi yang seimbang dan yang memberikan perhatian terhadap “takwa hati” sebelum “perbuatan anggota tubuh”, serta terhadap roh amal sebelum bentuknya, sebagaimana yang telah dijelaskan dalam hadis sahih berikut, maksudnya:

Sesungguhnya Allah tidak melihat kepada tubuh kalian dan tidak juga bentuk rupa kalian, tetapi Dia melihat kepada hati dan amalan kalian. (Hadis Riwayat Muslim)

Berdasarkan hadis tersebut jelas menunjukkan bahawa Allah tidak menilai ketakwaan hamba-Nya berdasarkan rupa dan bentuk fizikal manusia. Akan tetapi, Allah melihat kepada hati dan amalan yang dilakukan oleh umat Islam. Hati tersebut juga merujuk kepada hati seseorang yang bersifat ikhlas. Ini kerana, hati yang ikhlas melakukan sesuatu kerana Allah akan mempengaruhi amalan yang akan dilakukan. Oleh kerana itu, amalan yang disertakan dengan hati yang ikhlas akan membentuk ketakwaan serta iman seseorang dan perkara tersebut bernilai di sisi Allah Ta'ala. Sifat sedemikian juga adalah sebagaimana yang telah ditunjukkan oleh golongan sufi terdahulu seperti al-Hasan al-Basri, al-Fudhail Bin 'Iyadh dan lain-lain. Mereka merupakan golongan yang berusaha membersihkan hati dengan sifat-sifat yang baik supaya amalan yang dilakukan oleh mereka diterima oleh Allah (Al-Qaradhawi 2012; Sulaiman 2003).

Kritikan lain al-Qaradhawi (2012) terhadap tasawuf ini juga ialah berkenaan dengan sumber hadis yang dibawa dan diriwayatkan oleh sesetengah golongan sufi yang menyimpang. Perkara ini dapat dilihat melalui sikap mereka yang mengambil semua hadis Nabawi kemudian meriwayatkan hadis tersebut secara keseluruhan tanpa memilih dan menilai hadis yang diterima ataupun ditolak. Walaupun terdapat sebahagian pendapat yang menyatakan bahawa hadis *dhaif* boleh diamalkan jika berkaitan dengan *fadhail a'mal* (keutamaan-keutamaan amal), *targhib* dan *tarhib* (memotivasikan kebaikan dan mencegah membuat sesuatu yang dilarang) dan sebagainya, namun menurut al-Qaradhawi pendapat ini belum mendapat kesepakatan daripada kalangan para ulama. Akan tetapi al-Qaradhawi (2012) menjelaskan lagi bahawa terdapat ulama-ulama yang berpendapat hadis *dhaif* yang berkaitan dengan *fadhailul a'mal* dapat diamalkan berdasarkan kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan. Syarat-syarat inilah pada umumnya kurang mendapat perhatian daripada sesetengah ahli sufi. Ini menyebabkan mereka tidak segan meriwayatkan hadis-hadis yang *dhaif*. Mereka turut meriwayatkan hadis-hadis palsu dan hadis yang tidak mempunyai sumber seperti sumber pada sanad dan matan. Tindakan mereka ini telah terkenal dalam kalangan mereka sendiri. Oleh itu, jelaslah bahawa ilmu tasawuf yang dibawa oleh golongan sufi tersebut tidak berpegang pada sumber yang sahih sebagaimana yang dikehendaki oleh Islam. Justeru keadaan ini menyebabkan tasawuf mula bercampur-aduk antara kebenaran dengan kebatilan. Pada masa yang sama, hal tersebut telah menyebabkan tawasuf Islam disalah anggap oleh sesetengah masyarakat.

Menurut al-Qaradhawi (2008; 2012) golongan sufi yang tidak berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah juga sangat menaruh kepercayaan kepada *Dzauq* (perasaan) dan emosi mereka. Hal ini menyebabkan setiap apa yang diperintah berdasarkan *kasyaf* dan ilham pasti akan dipatuhi. Golongan ini tidak mempunyai sifat segan untuk merujuk kepada hukum yang didasarkan atas *kasyaf* dan ilham tersebut sepertimana mereka merujuk kepada hukum yang didasarkan kepada syarak. Padahal, perasaan dan ilham tersebut merupakan sesuatu yang tidak terjamin kebenarannya dan tidak terjaga daripada kesalahan. Al-Qaradhawi (2008; 2012) menjelaskan bahawa umat Islam telah dicukupkan oleh Allah dengan wahyu yang mana tidak akan menyesatkan dan tidak membuat manusia lupa kepada Allah. Keadaan golongan sufi tersebut telah menggambarkan kepada umat Islam bahawa mereka tidak mementingkan sumber utama Islam iaitu al-Quran dan al-Sunnah tetapi mempercayai sumber yang tidak berlandaskan syariat Islam.

Al-Qaradhawi (1993; 2008; 2012) juga menjelaskan bahawa kesucian tasawuf turut dicemarkan dengan sikap golongan yang tidak mengikut ajaran yang terdapat dalam syariat Islam, baik daripada aspek ibadah, zikir dan akhlak. Ini menyebabkan mereka mengabaikan syariat Islam dan melakukan perkara yang bertentangan dengan syarak. Sebagai contoh, mereka telah membuat wirid-wirid yang dihasilkan sendiri sebagai ganti wirid-wirid yang datang daripada Rasulullah S.A.W. Golongan ini juga telah mencipta bentuk-bentuk ibadah yang tidak diperintahkan oleh al-Quran dan juga al-Sunnah di mana semua bentuk ibadah tersebut merupakan ibadah yang direka oleh manusia. Padahal, setiap yang baharu (dalam urusan ibadah) itu adalah bidaah dan setiap bidaah itu pasti sesat dan setiap yang sesat itu pasti neraka. Perkara ini jelas bertentangan dengan apa yang telah disyariatkan di dalam Islam. Umat Islam perlulah berpegang teguh dengan al-Quran dan al-Sunnah dan mengikut setiap perkara yang telah disyariatkan. Umat Islam juga dilarang untuk bersikap berlebih-lebihan dalam hal-hal agama sehingga mencipta sesuatu yang bertentangan dengan syarak. Selain itu, sikap mengabaikan syariat Islam ini akan menyebabkan seseorang itu menyimpang dan sesat daripada agama Islam.

Secara mudahnya, implikasi kepada penyelewengan yang dilakukan oleh sesetengah golongan sufi telah menyebabkan timbul pelbagai fitnah dan tohmahan kepada ilmu tasawuf secara keseluruhannya. Dalam hal ini, al-Qaradhawi (1993;2012) berpendapat bahawa keterangan yang paling tepat mengenai situasi tersebut adalah sebagaimana yang telah dihuraikan oleh Ibnu Taimiyah, yang mana terdapat dua pandangan negatif daripada ahli agama. Pandangan pertama ialah sebahagian golongan termasuk ahli feqah dan ahli kalam mencela dan menganggap para sufi ini adalah bidaah dan di luar sunnah Nabi S.A.W. Pandangan kedua pula ialah terdapat sebahagian golongan Muslim yang terlalu berlebih-lebihan dalam memberi pujian dan menganggap ahli sufi paling sempurna di antara manusia setelah Nabi S.A.W. Menurut al-Qaradhawi (1993), Ibnu Taimiyah menjelaskan bahawa kedua-dua pandangan mengenai ahli tasawuf atau golongan sufi ini adalah tidak benar. Kebenarannya ialah ahli-ahli sufi ini merupakan mereka yang sedang dalam usaha melakukan pengabdian kepada Allah, sebagaimana usaha-usaha umat Islam yang lain untuk mentaati Allah. Antara golongan sufi ini, terdapat sebahagian daripada mereka yang cepat sampai dan dekat kepada Allah (Al-Qaradhawi 2008)

Kesimpulannya, melalui penjelasan al-Qaradhawi ini jelas menunjukkan bahawa penyimpangan yang berlaku dalam tasawuf ialah berpunca daripada golongan sufi yang menyimpang. Mereka merupakan golongan yang mengabaikan syariat Islam dan mengutamakan perasaan dan emosi semata-mata. Selain itu, permasalahan lain golongan ini ialah dapat diperhatikan melalui sistem pembelajaran tasawuf yang dibawa oleh mereka. Sistem tersebut jelas bertentangan dengan sistem pendidikan dan ilmu dalam Islam. Golongan ini juga tidak mementingkan kebenaran atau kesahihan hadis yang disampaikan serta diriwayatkan oleh mereka. Sikap mereka ini bukan sahaja mendatangkan kekeliruan dalam Islam itu sendiri, tetapi menjauhkan umat Islam daripada mempelajari ilmu tasawuf. Perkara ini disebabkan wujudnya pelbagai kebatilan yang dilakukan oleh golongan sufi tersebut. Keadaan mereka ini telah menjejaskan konsep tasawuf yang sebenar dan memberi pandangan yang buruk kepada golongan sufi yang benar-benar berlandaskan syariat Islam. Hal ini kerana

masyarakat yang tidak memahami tasawuf akan menganggap semua golongan sufi dan orang yang mempelajari tasawuf adalah sesat, walaupun pada hakikatnya golongan sufi yang menyimpang adalah berbeza dengan golongan sufi yang berpegang kepada al-Quran dan al-Sunnah.

KRITIKAN AL-QARADHAWI TERHADAP UNSUR-UNSUR POSITIF

Dalam memberi kritikan terhadap unsur-unsur positif yang berkaitan tasawuf, al-Qaradhawi terlebih dahulu menjelaskan bahawa bukan semua ahli sufi itu menyimpang dan tidak semua golongan sufi itu sesat sebagaimana yang telah didakwa oleh segelintir masyarakat yang kurang faham tentang tasawuf dan tidak bersikap adil terhadap ilmu ini. Baginya, ilmu tersebut suci dan benar kerana ia terbitan daripada al-Quran dan Rasulullah S.A.W, namun segelintir ahli tasawuf yang tidak bertanggungjawab mencontengnya dengan ajaran dan amalan yang menyimpang syariat. Menurut al-Qaradhawi (1993) lagi, jika diteliti hakikat sebenar tasawuf, ia merupakan sesuatu ilmu yang membersihkan batin dan jiwa manusia daripada sifat-sifat tercela seperti hasad dengki, sukakan pujian, riak, pamarah, tamak, bakhil dan sifat-sifat tercela yang lain. Maka dengan ilmu tasawuf, seseorang dapat menghindari sifat-sifat tersebut dan menghiasi diri dengan sifat-sifat terpuji seperti taubat, takwa, istiqamah, ikhlas, zuhud, warak, tawakal, reda dan sifat-sifat terpuji yang lain (Muhammad Fuad 2008). Sifat-sifat ini terdapat dalam diri golongan sufi yang berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah. Ini kerana mereka merupakan golongan yang bermujahadah dengan bersungguh-sungguh bagi memperolehi sifat-sifat mulia, sebagaimana yang telah disyariatkan oleh Islam. Sikap golongan sufi seperti ini menjadikan tasawuf Islam sebagai suatu ilmu yang penting untuk umat Islam. Ini kerana peranan ilmu tasawuf yang menitikberatkan kebersihan jiwa dan kemantapan rohani umat Islam. Keadaan ini menggambarkan bahawa terdapat banyak unsur-unsur positif dalam tasawuf.

Al-Qaradhawi (1993;2012) menjelaskan bahawa tokoh-tokoh sufi yang berlandaskan tasawuf Islam sebenar sangat berhati-hati dalam meniti jalan di atas garis panduan yang telah ditetapkan oleh al-Quran dan al-Sunnah. Golongan ini merupakan golongan yang bersih daripada pelbagai pemikiran dan amalan yang menyimpang, baik dalam ibadat ataupun pemikiran mereka. Oleh kerana pengaruh dan jasa golongan ini, terdapat ramai yang telah memeluk agama Islam dan ramai daripada golongan yang derhaka dan lalai juga kembali bertaubat kepada Allah. Ahli-ahli tasawuf ini juga menguasai peradaban dan ilmu Islam, terutamanya dalam bidang makrifat, akhlak dan pengamalan-pengamalan dalam bidang kerohanian. Kesemua bidang yang dijelaskan ini tidak dapat dinafikan dipelajari oleh golongan ahli sufi. Golongan sufi ini bukan sahaja mementingkan bidang kerohanian dalam Islam, akan tetapi mereka juga banyak memberi jasa dalam membentuk akhlak umat Islam untuk berubah ke arah kebaikan.

Menurut al-Qaradhawi (1993; 2008), terdapat juga ramai daripada Ahlu Sunnah dan ulama Salaf yang menjalani amalan tasawuf sebagaimana yang telah diajarkan dalam al-Quran. Oleh kerana itu, golongan tersebut telah berusaha meluruskan dan mempertimbangkan tasawuf dengan timbangan al-Quran dan al-Sunnah. Keadaan ini dapat dilihat melalui penulisan buku yang ditulis oleh Ibnu Qayyim yang berjudul *Madarij al-Salikin*, yang mana ia menerangkan

mengenai ilmu tasawuf terutamanya dalam bidang akhlak. Buku ini juga telah menjelaskan bidang akhlak berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah serta memperlihatkan kepada umat Islam tentang akhlak ulama Salaf sebagai suri teladan yang baik. Oleh itu, buku ini dapat dijadikan panduan kepada umat Islam daripada aspek akhlak dan memberi penjelasan kepada masyarakat mengenai akhlak dan tasawuf Islam yang sebenar. Selain itu, contoh buku lain ialah buku kecil karangan Syaikhul Islam Ismail al-Harawi al-Hanbali, yang mana beliau telah membuat penafsiran dari surah al-Fatihah ayat lima. Menurut pandangan al-Qaradhawi (1993), kitab ini adalah kitab yang terbaik bagi umat Islam yang ingin mengetahui masalah tasawuf secara mendalam. Menurut beliau lagi, sesungguhnya setiap manusia boleh menggunakan pandangan daripada buku ini dan boleh juga tidak menggunakannya, kecuali ketetapan dan hukum-hukum daripada al-Quran dan sunnah Rasulullah S.A.W. Al-Qaradhawi (1993) menjelaskan bahawa setiap Muslim dapat mengambil ilmu daripada para sufi pada bahagian yang murni dan jelas. Sebagai contohnya, ilmu yang berkaitan dengan ketaatan kepada Allah S.W.T, cinta sesama makhluk, menghitung kekurangan yang ada pada diri sendiri, mengetahui tipu muslihat nafsu dan syaitan serta cara pencegahannya, dan juga perhatian golongan sufi dalam meningkatkan jiwa kepada peringkat yang lebih murni. Al-Qaradhawi juga menukil pernyataan daripada Imam al-Ghazali yang menyatakan bahawa ilmu tasawuf daripada para sufi yang berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah boleh menjauhkan umat Islam daripada perkara-perkara yang menyimpang dan sikap yang berlebihan-lebihan dalam beribadat. Justeru, al-Qaradhawi menjelaskan bahawa melalui ulama dan tokoh sufi ini, umat Islam dapat mengetahui banyak perkara terutamanya ilmu akhlak, penyakit jiwa dan kaedah rawatan jiwa. Ini menunjukkan bahawa tasawuf juga memainkan peranan penting dalam ilmu Islam (Al-Qaradhawi 2008)

Al-Qaradhawi (1993) melihat golongan tasawuf amat menitikberatkan akhlak baik dalam kehidupan umat Islam. Contohnya, dalam al-Quran dan hadis telah diterangkan mengenai sifat zuhud, tawakal, taubat, syukur, sabar, yakin, takwa, *muraqabah*, dan lain-lain lagi. Dalam perkara ini, al-Qaradhawi menegaskan bahawa tidak terdapat golongan lain yang memberi perhatian penuh dalam menafsir, membahas dengan teliti dan terperinci, serta membahagikan tahap-tahap utama maqam tersebut selain para sufi. Mereka adalah golongan yang mahir dan mengetahui akan penyakit jiwa, sifat-sifatnya dan kekurangan yang terdapat pada diri manusia. Di samping itu, al-Qaradhawi menyifatkan juga mereka ini sebagai ahli dalam ilmu pendidikan yang dinamakan *suluk*. Keadaan ini menunjukkan bahawa para sufi memainkan peranan penting dalam menjelaskan serta menerangkan mengenai akhlak-akhlak baik dalam Islam. Justeru, perkara ini dapat membantu umat Islam untuk memahami dengan lebih mudah dan mendalam mengenai ilmu akhlak Islam dan seterusnya mengamalkan akhlak-akhlak tersebut dalam kehidupan seharian mereka (Al-Qaradhawi 1998; 2004; 2013).

Kemudian, al-Qaradhawi (1993) menyoroti tentang sesetengah golongan sufi yang menjadikan perasaan dan ilham sebagai dasar pengetahuan mereka untuk membezakan antara perkara yang benar dan salah. Namun, beliau menegaskan juga bahawa terdapat golongan sufi yang menolak aspek tersebut sebagai dasar pengetahuan. Hal ini kerana mereka berpegang pada syariat Islam sebagai sumber pengetahuan yang utama untuk membezakan antara kebenaran dan kebatilan. Keadaan ini dapat digambarkan melalui sikap golongan sufi terdahulu. Mereka merupakan golongan sufi yang memberi peringatan kepada umat Islam

supaya tidak menyimpang daripada hukum-hukum yang terdapat pada syariat Islam. Antara golongan sufi tersebut ialah Abu Yazid al-Bisthami. Oleh itu, al-Qaradhawi (1993) mengemukakan kenyataan daripada Abu Yazid al-Bisthami yang melarang umat Islam supaya tidak terpedaya dengan golongan yang mempunyai kekuatan luar biasa, akan tetapi yang harus dinilai dalam diri seseorang yang menggelarkan dirinya sufi ialah daripada sudut ketaatan dan ketakwaan kepada agama serta pelaksanaannya terhadap syariat Islam. Golongan ini dikenali sebagai *min al-muqarrabin* (orang-orang yang dekat dengan Allah). Kemudian, al-Qaradhawi menyatakan lagi tentang golongan yang mana pengamatan ketaatannya dalam keadaan sederhana sahaja. Golongan ini termasuk golongan bahagian kanan yang dikenali sebagai *min ashabul yamin* (orang-orang yang berada di antara kedua sikap tersebut). Golongan ini adalah golongan yang melakukan kesalahan, golongan yang berdosa, golongan yang bertaubat dan ada juga yang tetap tidak bertaubat. Menurut beliau lagi, golongan yang lebih sesat lagi ialah mereka yang melakukan kezaliman dan kemaksiatan, tetapi menganggap dirinya daripada kalangan ahli-ahli sufi. Menurut al-Qaradhawi (1993; 2012), masih terdapat banyak lagi golongan ahli bidaah dan golongan fasik yang menganggap diri mereka sebagai golongan tasawuf. Mereka ini juga telah ditolak dan tidak diakui oleh tokoh-tokoh sufi yang benar dan terkenal seperti al-Junaid dan lain-lain.

Al-Qaradhawi (2012) menjelaskan bahawa golongan sufi yang menyimpang tidak mewakili semua tasawuf, malah merupakan satu kezaliman jika umat Islam menjatuhkan hukuman kepada semua ahli sufi disebabkan perbuatan sebahagian daripada mereka. Justeru itu, tasawuf yang benar telah diwakili oleh para pakar tasawuf angkatan pertama seperti Junaid Bin Muhammad, Abu Hafsh, Abu Sulaiman al-Darani dan lain-lain lagi. Mereka ini telah mengingkari para sufi yang menyampaikan dakwaan-dakwaan yang jauh daripada kebenaran agama. Dalam memperjelaskan dengan lebih lanjut mengenai golongan sufi yang berlandaskan kebenaran ini, al-Qaradhawi mengemukakan sebahagian pernyataan yang dikutip oleh Ibnu Qayyim dalam kitab *Madarij al-Salikin* yang memperihalkan tentang golongan sufi terdahulu; Junaid Bin Muhammad berkata: “Semua jalan tertutup bagi manusia kecuali orang yang berusaha menyusuri jejak Rasulullah S.A.W. Sesiapa yang tidak hafal al-Quran dan menulis hadis, maka dia tidak berhak untuk diikuti dan diteladani, kerana ilmu kami sangat terikat dengan al-Quran dan al-Sunnah (Ibnu Qayyim 2008). Kemudian, Abu Hafsh Rahimahullah berkata: “Sesiapa yang tidak menimbang perbuatan-perbuatannya dengan tingkah lakunya dalam setiap waktu dengan al-Quran dan al-Sunnah dan dia tidak mencurigai apa yang terlintas di dalam hatinya, maka dia tidak dianggap sebagai golongan sufi.” (al-Qaradhawi 2012). Seterusnya, Abu Sulaiman al-Darani berkata: “Boleh jadi, pada hari-hari tertentu hatiku disusupi suatu titik noda daripada kebiasaan manusia, namun saya tidak serta-merta memberi tindak balas hal tersebut secara baik sebelum disaksikan oleh dua saksi yang adil iaitu al-Quran dan al-Sunnah.” (Al-Qaradhawi 2012). Abu Zaid pula berkata: “Saya telah melakukan perbuatan mujahadah selama tiga puluh tahun, tetapi saya tidak menemui sesuatu yang saya rasa lebih berat selain ilmu dan menilainya.” Dia berkata lagi: “Sekiranya anda melihat seseorang diberi karamah (kejadian luar biasa selain Nabi dan Rasul), sama ada dia dapat terbang ke angkasa, maka janganlah anda terpedaya terlebih dahulu, sebelum anda memperhatikan bagaimana anda mendapati sikap dia dalam hal menjalankan perintah dan menjauhi larangan, dalam hal menjaga ketentuan-ketentuan Allah dan adab-adab syariat.”

Ahmad bin Ibnul Hawaii berkata: “Sesiapa yang melakukan suatu amalan yang tidak didasari oleh *ittiba’* sunnah Nabi S.A.W, maka amalan seseorang itu akan rosak (Al-Qaradhawi 2012).

Berdasarkan pernyataan para sufi tersebut, terbukti bahawa golongan sufi yang berlandaskan kebenaran ini amat menitikberatkan ilmu syarak iaitu al-Quran dan al-Sunnah dalam kehidupan mereka. Selain itu, ilmu syarak ini juga digunakan oleh golongan ini untuk menilai kebenaran diri seseorang tersebut, sama ada dia benar-benar beriman kepada Allah atau mengutamakan nafsu semata-mata. Keadaan ini turut memperlihatkan kepada masyarakat bahawa tasawuf yang benar itu dibawa oleh golongan sufi yang berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah dan bukan daripada golongan sufi yang menolak ilmu syarak dalam kehidupan mereka. Hal ini sepertimana yang telah dinyatakan oleh al-Qaradhawi (2012) iaitu sesiapa yang mencegah seseorang untuk menyampaikan riwayat dan pengkhabaran hadis, bermaksud orang tersebut akan memasukkan khayalan-khayalan tasawuf atau analogi falsafah dan hal peribadi mereka. Seterusnya beliau menegaskan juga bahawa setiap perkara yang tidak disertakan dengan petunjuk al-Quran dan al-Sunnah, maka hal tersebut tersasar daripada jalan kebenaran. Oleh itu, apa yang dimaksudkan dengan tasawuf Sunni ini juga ialah cara pengubatan pelbagai penyakit hati dan menutup pintu syaitan untuk masuk ke dalam hati manusia. Di samping itu, tasawuf ini juga melawan hawa nafsu sehingga membentuk akhlak seseorang itu menjadi baik dan jauh daripada sifat kehinaan.

Dalam menangani pelbagai perihal kontroversi berkaitan tasawuf, maka al-Qaradhawi mencadangkan supaya menjauhi penamaan tasawuf tersebut, malah menggunakan sebutan-sebutan yang sesuai dengan syariat yang khusus, sebagai contohnya “*tazkiyah*” atau “*tazkiyyatun nafs*” (penyucian jiwa). Hal ini kerana istilah tersebut tidak terkeluar daripada kefahaman al-Quran dan al-Sunnah, serta dapat menghubungkan umat Islam dengan para tokoh sufi seperti al-Hassan al-Basri, Sufyan al-Tasturi, al-Fudhail, Ibnu Qayyim, Ibnu Rajab dan lain-lain lagi (Sulaiman 2003).

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa al-Qaradhawi memuji tasawuf yang dibawa oleh golongan sufi yang berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah serta mencela mereka yang mengabaikan kedua-dua sumber tersebut. Al-Qaradhawi menyatakan bahawa pengaruh daripada golongan sufi tersebut memberi kesan yang baik dalam akhlak serta membantu membersihkan jiwa umat Islam. Golongan sufi ini juga menitikberatkan ilmu syarak dalam kehidupan mereka dan menjauhkan diri daripada sumber ilmu yang berasaskan perasaan dan emosi semata-mata. Mereka merupakan golongan sufi yang menjaga hakikat tasawuf Islam yang sebenar dan berusaha menolak serta membersihkan setiap kebatilan yang diserap masuk di dalam tasawuf. Justeru, al-Qaradhawi turut memuji tasawuf yang dibawa oleh golongan-golongan yang terdahulu seperti al-Hasan al-Basri, al-Fudhail Bin ‘Iyadh, ‘Ibrahim Bin Adham, Abu Sulaiman ad-Darani, Abul Qasim al-Junaid dan lain-lain. Mereka merupakan golongan yang telah menggambarkan hakikat tasawuf yang sebenar sebagaimana yang dikehendaki oleh umat Islam. Oleh yang demikian, al-Qaradhawi menegaskan bahawa bukan semua tasawuf itu menyimpang dan tidak semua kaum sufi itu sesat sebagaimana yang telah didakwa oleh sebahagian daripada masyarakat Islam yang tidak memahami dengan mendalam mengenai isu-isu yang berlaku dalam tasawuf Islam.

KESIMPULAN

Al-Qaradhawi merupakan seorang tokoh Islam semasa yang berusaha keras dalam mengembalikan tasawuf yang berpandukan al-Quran dan al-Sunnah. Hal ini dapat dilihat melalui usaha beliau yang membersihkan tasawuf yang benar daripada segala unsur yang mengeruhkan kesucian tasawuf. Selain itu juga beliau mengkritik sikap golongan tasawuf yang menyimpang, di mana kecenderungan mereka yang menjurus kepada sikap ekstrem dan sikap yang mengabaikan syariat Islam. Sedangkan menurut al-Qaradhawi, golongan salaf terdahulu menyatakan bahawa agama Islam adalah agama yang bersifat sederhana di antara kedua-dua sikap tersebut.

Al-Qaradhawi turut menjelaskan faktor-faktor yang menyebabkan tasawuf itu dipandang negatif oleh sebahagian masyarakat Islam. Beliau merumuskan bahawa kerosakan dalam tasawuf adalah disebabkan kewujudan golongan-golongan yang menyimpang. Golongan ini adalah mereka yang menganggap diri mereka sebagai ahli sufi tetapi hakikatnya mereka adalah golongan yang sesat. Golongan ini lebih mengutamakan perasaan dan *kasyaf* semata-mata dan tidak mengambil ilmu daripada al-Quran dan al-Sunnah. Sedangkan menurut al-Qaradhawi, ahli tasawuf yang benar adalah golongan yang berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah. Justeru, al-Qaradhawi menolak pandangan mereka yang mencela tasawuf dan beranggapan bahawa sumber tasawuf ini telah diambil daripada agama Masehi, Buddha dan lain-lain lagi. Beliau tegaskan bahawa tasawuf sememangnya terdapat dalam Islam dan mempunyai dasar yang mendalam dalam al-Quran, Sunnah Rasulullah S.A.W dan para Sahabat yang mempunyai sifat-sifat *zuhud* dan tidak menyukai kehidupan mewah sebagaimana sikap Khalifah Umar r.a, Ali r.a, Abu Darda', Salman al-Farisi, Abu Dzar r.a dan lain-lain.

RUJUKAN

Al-Quran Karim.

Ghazali, M. R. 2012. *Yusuf al Qaradawi dan Pengaruhnya Dalam Masyarakat Islam di Malaysia*. Negeri Sembilan: USIM

Al-Jauziyah, Ibnu Qayyim. 2008. *Madarij al-Salikin, Tangga-Tangga Orang Yang Berjalan Menuju Kepada Allah Jilid 1*. Terj. Ariffin Ladari. Selangor: Berlian Publication Sdn.Bhd.

Muhammad Kamil, A. M. 2011. *Pemikiran Kerohanian Yusuf al Qaradawi: Analisis Siri Bukunya al-Tariq ila Allah*. Tesis Ph.D, Universiti Malaya

Mohd. Rumaizuddin. 2013. *Yusuf al-Qaradhawi Dan Pengaruhnya Dalam Masyarakat Islam Di Malaysia*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.

Muhammad Fuad. 2008. *Kepentingan Tariqah Dan Tasawwuf*. Johor: Sekretariat Menangani Isu-Isu Akidah Dan Syariah Majlis Agama Islam Johor.

Al-Qaradhawi, Yusuf. 1993. *Fatawa Qardhawi Permasalahan, Pemecahan Dan Hikmah*. Terj. Abdurrahman Ali Bauzir. Surabaya: Risalah Gusti.

- Al-Qaradhawi, Yusuf. 1994. *Al-Ijtihad al-mu'asir bayna al-indibat wa al-Infirat*. Dar Kaherah: al-Tawzi wa 'l-Nashr al-Islamiyya
- Al-Qaradhawi, Yusuf. 1998. *Taubat*. Terj. Suhardi. Jakarta: CV. Pustaka al-Kautsar.
- Al-Qaradhawi, Yusuf. 2002. *Ibn al-Al-Qaryah wa al-Al-Kuttab*. Kaherah: Dar al-Shuruq
- Al-Qaradhawi, Yusuf. 2004. *Konsep Niat Dan Ikhlas Menurut Islam*. Terj. Kathur Suhardi. Kuala Lumpur: Pustaka Syuhada.
- Al-Qaradhawi, Yusuf. 2008. *Mensufikan Salafi Dan Mensalafikan Sufi*. Terj. Abdul Masjid. Indonesia: Uswah.
- Al-Qaradhawi, Yusuf. 2010a. *Dur al-Qayyim wa al-akhlaq fi al-iqtisad al-Islami*. (Terjemahan). Kuala Lumpur: Blue-T Publication.
- Al-Qaradhawi, Yusuf. 2010b. *Mudhakkirat al-Qaradawi* (Terjemahan). Kuala Lumpur: Mutiara Ilmu.
- Al-Qaradhawi, Yusuf. 2012. *Jalan Menuju Allah Teladan Kehidupan Rabbani*. Terj. Muchtar Abbas. Johor: Perniagaan Jahabersa.
- Al-Qaradhawi, Yusuf. 2013. *Mukjizat Sabar Dalam al-Quran*. Terj. Muhsin Ahmad & Abdul Hadi. Selangor: PTS Darul Furqan Sdn.Bhd.
- Sidang Editor DBP. 1994. *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka*. Ed. ke-3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sulaiman Shalih. 2003. *Dr Yusuf al-Qaradhawi Dalam Timbangan*. Terj. M. Abdul Ghoffar. Jakarta: Pustaka Imam asy-Syafi'i.
- Zulkifli Hasan. 2013. Yusuf al-Qaradawi dan Sumbangan Pemikirannya. *GJAT Journal* 3(1):51-66.